

# PERUBAHAN KETUA UMNO AKAN MEMBAWA CORAK BARU? KE MANA KITA HENDAK DIBAWA...?

Pada penghujung bulan Ogos yang lalu telah terjadi suatu peristiwa perubahan yang besar di dalam UMNO di dalam mana Yang di-Pertuanya yang pertama dan Penaja UMNO telah meletakkan jawatannya dan digantikan oleh Tengku Abdul Rahman Putra adinda kepada Yang Maha Mulia Sultan Kedah. Perubahan ini sudah tentu membawa pula corak perubahan di dalam dasar perjuangan UMNO di dalam mana dalam masa-masa yang akhir ini Yang Di-Pertuanya yang lama telah cuba membawa UMNO menukar asasnya yang pertama kepada asas yang baharu dengan memberi peluang kepada anak-anak dagang sama taraf dan sama kedudukannya dengan orang-orang Melayu yang dengan sebab itulah ia nampaknya dengan seberapa daya upayanya cuba menarik perhatian pengikut-pengikutnya mengikut kemahuannya atau dengan lebih tepat mengikut kemahuan anasir yang harus ada berdiri di belakangnya menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya yang terkenal dengan 'IMP' itu.



*Tengku Abdul Rahman Putra adinda kepada Sultan Kedah, Yang di-Pertua baharu UMNO. Orang Melayu sekarang menumpukan perhatian kepadanya dengan harapan mudah-mudahan ia akan menjadi sebagai Sultan Hamengku Buwono di Indonesia yang mengorbankan segala tenaga dan maslahatnya untuk bangsa.*

## IMP MERBAHAYA KEPADA MELAYU

(Oleh Ahmad Lutfi)

Dengan langkah-langkahnya itu adalah menjadi suatu soal atau menjadi suatu masalah yang besar tentang gerak langkah yang akan dijalankan olehnya itu oleh kerana adalah ia menjalankan usaha-usahanya itu dengan kehendak sendiri atau adakah dengan anjuran atau dengan kehendak-kehendak anasir-anasir yang lain yang berdiri di belakangnya? Adakah yang demikian itu ditujukan sebagai suatu langkah untuk menghalang persatuan umat Melayu yang telah dipengaruhi oleh perasaan hendak merdeka di dalam tanah airnya sendiri dengan mempunyai hak mutlak yang penuh itu? Inilah soal-soal yang terbit terutamanya apabila terbit pertanyaan umum tentang siapakah yang dikatakan oleh Onn menutup mulutnya daripada berkata benar?

Inilah dia masalah-masalah yang dihadapi oleh orang-orang Melayu pada masa ini dengan langkah Onn mendirikan "IMP" yang dipandang harus memecah belahkan batu perbinaan yang telah dibinanya sendiri supaya hancur lebur dan supaya cita-cita kemerdekaan untuk orang Melayu itu tidak dicapai selama-lamanya selagi mereka berpecah belah dan sebab itulah nampaknya sebahagian orang memandang dan berpendapatan bahawa dasar yang ditaja oleh Onn pada masa sekarang ialah dasar menyampaikan tujuan "pecah-pecahkan kemudian perintah" yang masyhur berjalan beberapa lamanya. Tidak hairan kalau ada sebahagian



*Wakil-wakil dan pemerhati-pemerhati dalam Persidangan UMNO di Kuala Lumpur*

*baharu-baharu ini kerana merundingkan masalah bertukar ketua*

*yang pada suatu masa telah menggemparkan.*

orang yang kasihkan kepadanya akan mengikut apa jua yang dikatakannya – putih katanya putih, hitam katanya hitam walaupun nampak kepada mereka itu yang demikian itu akan meruntuh dan menghancur leburkan hak-hak orang Melayu.

Berdirinya “IMP” bermakna terjadi suatu tubuh yang akan mendesak orang Melayu menerima barang yang tidak digemarinya dengan dianjurkan oleh orang-orang Melayu sendiri yang kesannya sudah tentu akan menghapuskan orang Melayu dari buminya sendiri dengan sebab “penganjur” bangsa itu tidak mempunyai perdirinya yang tetap, tidak menjalankan program perjuangan bangsanya semenjak dari permulaannya dahulu. Dengan ini tidaklah hairan kalau sekiranya Yang di-Pertua UMNO yang lama itu tatkala dipandang kiblatnya oleh

orang-orang Melayu pada permulaannya dahulu telah menyangka ia itu sebenar-benarnya emas lalu dijulung tinggi di atas cerpu, dimuliakan dan dihormati serta dikasih sehingga putih katanya putih – hitam katanya hitam, tetapi rupanya ia bukannya emas kerana ia hanya sepuhan jua – tak tahan uji dan dengan demikian apabila habis sepuh nampaklah simennya dan baharulah orang Melayu mengetahui siapa dia dan bagaimana cita-citanya kepada bangsa.

Tetapi di dalam pada itu rupanya ada juga yang nampaknya masih sayang kepada tembaga itu

oleh kerana ia tidak ada perhiasan yang lain terutama ibu-ibunya yang meraung dan merintih kerana kehilangan tembaga tadi dan sebahagian belia-beliannya nampaknya menepuk dadanya bertegang urat mengatakan bahawa tembaga itulah emas lalu mengikut buta semata-mata. Begitulah riwayatnya yang terjadi dan begitulah adanya yang nampak bahawa jika orang-orang Melayu tidak beringat dan tidak bergaul nescaya daripada apa yang zahir akan binasa dan akan hapus haknya dengan anasir-anasir lain menggunakan orang Melayu sendiri untuk merampas hak itu dijadikan hak bersama dengan semboyan konon-kononya untuk kemerdekaan Malaya – tetapi kemerdekaan untuk siapa?! Yang jawabnya tetap pembaca-pembaca sendiri boleh menjawabnya dengan terang.

(Sambungan pada muka 40)



*Ahli-ahli Kaum Ibu UMNO di dalam persidangan di Kuala Lumpur baharu-baharu ini tatkala membincangkan*

*kedudukan mereka terutamanya di dalam masa peristiwa bertukar Ketua UMNO itu.*